

b598

MAHATHIR-DAKWAH

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.15 MALAM INI - 22 OGOS)

1976

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, KERAJAAN AKAN MEMBUAT APA SAJA YANG BOLEH UNTUK MENGUKUHKAN PENDIDIKAN UGAMA ISLAM DAN DAKWAH ISLAM DI SEMUA PERINGKAT.

KATANYA, LANGKAH-LANGKAH AKAN DIAMBIL UNTUK MEMPERGIATKAN KURSUS DAKWAH ISLAM DI KALANGAN PEGAWAI KERAJAAN MENGIKUT KEMAMPUAN KERAJAAN.

KERAJAAN JUGA AKAN MEMPASTIKAN SEMUA PELAJAR YANG BERUGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN DAN MAKTAB PERGURUAN MENDAPAT PENDIDIKAN UGAMA ISLAM.

KEMENTERIAN PELAJARAN PULA AKAN MENGAJAI KEMUNGKINAN SUPAYA SEMUA YAYASAN PELAJARAN TINGGI DALAM NEGERI MENYEDIAKAN RANCANGAN KURSUS WAJIB BIMBINGAN PELAJARAN UGAMA ISLAM KEPADA SEMUA SISWA SISWI YANG BERUGAMA ISLAM.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MUSABAQAH MEMBACA DAN MENTAFSIR QURAN DI ANTARA MURID-MURID SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN DIMASJID NEGARA DI SINI MALAM INI. - BERSAMBUNG 1905/HS

b599

MAHATHIR-DAKWAH 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERHARAP HASIL KAJIAN INI DAPAT DILAKSANAKAN DAN MENDAPAT SOKONGAN SERTA KERJASAMA SECARA POSITIF DARIPADA SEMUA PEHAK, TERUTAMA PELAJAR-PELAJAR DAN ORANG RAMAI.

DR. MAHATHIR BERKATA, DENGAN LANGKAH-LANGKAH TERSEBUT MASYARAKAT AKAN DAPAT DIPELIHARA DARIPADA DIRESAPI OLEH FAHAMAN-FAHAMAN YANG MERBAHAYA DAN BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM TERUTAMANYA FAHAMAN KOMUNIS YANG MENAFIKAN ADANYA TUHAN DAN TIDAK MENGIZINKAN APA-APA UGAMA WUJUD BERSAMA DENGANNYA.

BELIAU SELANJUTNYA MENINGATKAN BAHAWA ORANG-ORANG KOMUNIS SEBELUM BERKUASA AKAN MEMBERI BERBAGAI JANJI DAN AKAN BEKERJASAMA DENGAN SESIAPA SAJA, SEKALIPUN PENGEDAR DADAH, PENJENAYAH ATAU ULAMAK.

TETAPI SETELAH MEREKA BERKUASSA, JANJI-JANJI MEREKA DIKETEPIKAN DAN SEMUA ORANG YANG BERTENTANGAN FAHAMAN MEREKA AKAN DISINGKIRKAN SATU DEMI SATU.

MEREKA JUGA TIDAK MEMBENARKAN UGAMA DIAJARKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN SESIAPA YANG MENETANG FAHAMAN MEREKA DAN MENGINGKARI ARAHAN KETUA-KETUA MEREKA AKAN DITUDUH SEBAGAI PENGKHIANAT, TAMBAHNYA. - BERSAMBUNG 1912/HS

B601

MAHATHIR - DAKWAH 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

TEGASNYA, + KEBEBASAN UGAMA DAN DEMIKRASI TIDAK AKAN WUJUD LAGI SEPERTI YANG KITA NIKMATI SEKARANG DAN YANG PALING TERUK SEKALI MENERIMA AKIBAT INI TALAH ORANG-ORANG ISLAM.+

KATANYA, PERKARA-PERKARA TERSEBUT BUKANLAH DAKYAH, TETAPI ADALAH KENYATAAN YANG TELAH BERLAKU DAN SEDANG BERLAKU DIBEBERAPA NEGARA YANG DIKUASAI OLEH KOMUNIS.

BELIAU LALU MENYERU RAKYAT YANG CINTAKAN UGAMA DAN KASIHKAN NEGARA SUPAYA MEMPERKOKOHKAN DIDIKAN UGAMA DIKALANGAN ANAK-ANAK DAN MENYIBARKAN DAKWAH ISLAM SERTA MELENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU PENGETAHUAN DAN KECEKAPAN MEMPERTAHANKAN DIRI DARI DIKUASAI OLEH KOMUNIS.

KATANYA LAGI, AL-QURAN MENJADI PUNCA UTAMA AJARAN ISLAM, OLEH KERANA ITU SUDAH SEWAJARNYA IA DIPELAJARI DAN DITAFSIRKAN DENGAN TAFSIRAN YANG LUAS LAGI TEPAT UNTUK PANDUAN MENCAPAI KEBAHAGIAN HIDUP UMAT ISLAM DI DUNIA DAN AKHIRAT.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU MASYARAKAT ISLAM SUPAYA MENGAGUNGKAN PENGAJARAN AL-QURAN DENGAN MEMPELAJARI SERTA MEMAHAMI ISI KANDUNGANNYA DAN MEMPRAKTIKKAN PENGAJARANNYA DALAM KEHIDUPAN SEHARI-HARI :

+INILAH TUJUAN YANG DIKEHENDAKI DISEBALIK TIAP-TIAP MUSABAQAH MEMBACA QURAN YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN+ TEGASNYA. - BERNAMA